

Pesta Buku Selangor bertemakan digital

Sinar Harian
29/1/2015
MIS 39

SHAH ALAM - Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) mengadakan Pesta Buku Selangor 2015 yang bertemakan Evolusi Buku dan Digital bermula hari ini hingga 8 Februari di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Pengarahnya, Mastura Muhammad berkata, tema digital digunakan bagi menggalakkan lagi pembaca dan pengeluar buku menerbitkan buku dalam bentuk digital yang lebih mesra pembaca.

"Buku yang sedia ada dalam bentuk fizikal tidak mungkin kita buang begitu saja.

"Namun, dengan adanya e-book atau buku digital ini ia lebih memudahkan pembaca dan mesej inilah yang kita mahu sampaikan dalam pesta buku kali ini," katanya kepada *Sinar Harian*, kelmarin.

Beliau berkata, pihaknya juga mahu ilmu daripada buku tidak hilang begitu saja dan boleh disampaikan melalui digital.

"Pesta buku yang kami anjurkan ini juga bertujuan melatih usahawan terlibat dalam pesta kali ini untuk mengambil

Mastura menunjukkan PPAS yang diubahsuai pihaknya untuk keselesaan pengunjung.



FOTO: ROSLI TALIB

inisiatif dengan mengeluarkan buku digital.

"Diharapkan tema kali ini boleh memeriahkan lagi Pesta Buku Selangor 2015 ini," katanya.

Mastura berkata, PPAS turut menyasarkan lebih 350,000 pengunjung hadir memeriahkan Pesta Buku Selangor 2015 kerana sambutan sebelum ini cukup meriah dengan 300,000 pengunjung hadir.

"Lebih 150 gerai buku mengambil bahagian untuk pesta buku kali ini dan pengunjung mempunyai banyak pilihan untuk membeli buku semasa pesta itu diada-

kan nanti.

"Bagi menarik ramai lagi pengunjung, kita juga mengadakan cabutan bertuah dan akan dibuat dua kali sehari iaitu pada jam 6.30 petang dan 8.30 malam dengan hadiah lumayan antaranya Al-Quran digital, *power bank*, kamus elektronik dan iPad mini disediakan untuk pengunjung yang bertuah," katanya.

Menurutnya, pesta buku itu bakal dirasmikan pada Sabtu ini oleh Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains dan Teknologi serta Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad.